

Bicara HEP

Ke arah menjana
minda warga
kampus

PERPUSTAKAAN
PERINIS TAN ZAHARA
UNIVERSITI MALAYA



UNIVERSITI MALAYA

Tarikh: 13/07/2001 bersamaan 21 Rabiulakhir 1422

• Keluaran Jumaat •

Bil: 04

LIMA PULUH TAHUN BERSAMA AYAH

Hashim Yaacob

Lima puluh tahun dulu

aku terlahir
ke dalam keluarga daif
yang terwaris turun temurun.
Ayah sering memikir
apakah anaknya itu
akan terus mewarisi
kejerihan hidup sepertinya juga?

Empat puluh tahun dulu

usiaku baru sepuluh
dan ayah masih muda belia,
berkata ayah
di kebun getah Bukit Kepat:
jika ingin hidup sempurna
dan menjadi manusia berguna,
tidak menoreh getah sepertinya
dan seluruh keluarganya sepanjang masa,
kau harus tekun belajar
hingga sampai ke Universiti.

Budak kampung di usia itu seperti aku
mengerti apa hal universiti?
Ayah hanya tahu
universiti itu hanya tempat berkumpul
cerdik pandai dan manusia berguna.

Tiga puluh tahun dulu

akupun menjejak kaki di kampus Universiti
sebagai pelajar

yang kononnya cerdik lagi pandai.

Ayah yang masih menoreh getah
lapang hatinya tiada terkira.

Tertepa di kepalanya satu harapan.

Katanya ia selalu mengirim doa
agar ku lekas menjadi orang berguna

Dua puluh lima tahun dulu

sampailah berita pada ayah
yang aku sudah lulus jadi doktor.
Ayah yang masih lagi menoreh getah
sujud syukur pada Ilahi.
Tahulah ayah
yang anaknya tidak perlu lagi

Sebagai seorang ayahanda yang ingin mengetahui tentang kehidupan anakanda sekalian, ayahanda telah membuat rancangan untuk melawat dan berbincang dengan semua mahasiswa di kolej-kolej kediaman. Ayahanda berharap agar anakanda datanglah beramai-ramai untuk berbincang dan bertukar-tukar fikiran demi untuk kesejahteraan kita bersama. Bagi anakanda yang tinggal di luar kolej kediaman, ayahanda bersedia berjumpa dengan anakanda pada hari Isnin, jam 9.00 pagi hingga 12.30 tengahari. (Tertakluk kepada ayahanda tidak dipanggil untuk menangani perkara-perkara kecemasan pada hari itu)

Jadual perjumpaan ayahanda dengan penghuni kolej kediaman adalah seperti berikut:

Dari Meja TNC (HEP)



Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

Kolej	Tarikh	Masa
Kolej Kediaman YPM	11.06.2001	8.45 malam
Kolej Kediaman Kedua	12.07.2001	8.45 malam
Kolej Kediaman Ketujuh	13.07.2001	9.15 malam
Kolej Kediaman Kesepuluh	17.07.2001	9.00 malam
Kolej Kediaman Kelima	18.07.2001	9.15 malam
Kolej Kediaman Seksyen 17	20.07.2001	9.00 malam
Kolej Kediaman Kesembilan	31.07.2001	8.45 malam

ikut jejaknya menoreh getah.
Nampaknya ayah sungguh bangga
kerana pandai mendidik anak.

Lima belas tahun dulu

ketika aku diangkat menjadi profesor
ayahpun membungkus mata pisau torehnya
dengan secebis kain semutar.
Lalu disangkutnya pisau
pada paku di dinding dapur.

Ayah mengucap selamat tinggal
pada kebun getah
mungkin untuk selamanya.

Kelmarin

aku ziarahi ayah yang sudah tua.
Di dapur
kami menatap bersama
pisau toreh di dinding yang kaya jasa
yang masih berkelubung mata
dengan kain semutar.

Ku cium tangan ayah
dengan hujan
yang turun dari kelopak mataku.

HEP

NASIHAT ILMUAN

oleh:

Prof. Madya Mohd Said Mohd Kadis

Pengarah

Pusat Asasi Sains



PENGERTIAN MENUNTUT DI UNIVERSITI

*B*ila anak muda menapak kaki ke pintu gerbang universiti, maka terserlah suatu harapan yang menanti. Bukan sekadar universiti menjadi persada impian anak kampung menatang impian ibu bapa tetapi ianya suatu kebertanggungjawaban yang amat besar.

Pengertian menuntut di universiti bukannya suatu akhiran tetapi suatu permulaan kerana ianya akan membina corak kewibawaan insan yang akan melenturi diri dalam kepelbagaian kemungkinan.

Jangan lupa kepada budi hati ibu bapa, jangan lupa kepada bimbingan para guru walau sekecil manapun sumbangan mereka, jangan lupa kepada harapan bangsa dan negara, jangan lupa kepada pengisian kejatidirian manusia sejagat kerana di dalam menghadapi cabaran alam kampus ianya tidak berkesudahan.

Penerokaan ilmu yang dikuliahkan, penganalisan isu yang dimajukan akan sentiasa berubah.

Setiap anak muda yang menapak di kampus adalah suatu cahaya bagaikan gemerlapan berlian yang bersinar tanpa henti-henti. Anak muda harus mampu memberi erti ilmu yang benar, jitu, mampan dan berani menghadapi persaingan dunia tanpa sempadan. Jangan bagaikan diri kita katak di bawah tempurung, pandai tidak boleh ditegur, lemah tidak mahu dibimbing.

Demi mengisi cabaran globalisasi setiap warga ilmuwan hendaklah mampu merendah diri dan dalam nafas yang sama mampu dihormati keilmuannya.

Mudah-mudahan erti menuntut di universiti akan melahirkan generasi ilmuwan yang waspada.

HEP

TANGGUNGJAWAB ANAK-ANAK TERHADAP IBU BAPA

oleh: Mohd Fakhrurazi Ibrahim

Memperkatakan tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa adalah persoalan yang cukup besar dan luas skop perbincangannya. Untuk itu, penulisan ini hanya akan memberi fokus ringkas tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa mereka.

Setiap anak secara jelas disebutkan sebagai bertanggungjawab terhadap ibu bapa mereka sepertimana juga setiap ibu bapa bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Daud menyebut bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda dengan maksud: "*Suruhlah anak kamu menunaikan sembahyang apabila mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka (jika mereka enggan sembahyang) apabila mereka berumur sepuluh tahun, dan asingkan tempat tidur mereka.*" Ini adalah gambaran bahawa peranan ibu bapa mendidik anak-anak mencakupi secara jelas persoalan ibadat dan sosial. Andainya sebelum ini, anak-anak telah diajarkan tentang sembahyang dan kewajipan agama yang lain untuk ditunaikan, maka apakah anak-anak kini telah melaksanakan kewajipan tersebut? Ramai anak-anak kita tidak memahami persoalan ibadat apatah lagi adat. Adalah suatu yang mengecewakan apabila terdapat anak-anak yang mengabaikan kewajipan ini dengan alasan bahawa mereka telah boleh berdikari dan membuat pertimbangan sendiri, seterusnya melupakan tunjuk ajar ibu bapa. Pengaruh persekitaran yang tidak baik dijadikan teladan sehingga lupa nilai yang diajarkan.

Harapan ibu bapa ialah melihat anak-anak menjadi insan yang berguna. Memberi manfaat untuk kehidupan dunia dan akhirat. Pasti mereka ingin melihat anak-anak mampu mendoakan mereka semasa mereka hidup mahupun setelah meninggal dunia. Apakah berkat doa seorang anak yang tidak pernah sujud bersembahyang? Apakah sampai doa seorang anak kepada ibu bapanya jika sentiasa melakukan perlakuan yang bertentangan dengan ajaran agama? Janganlah kita meletakkan diri kita sebagai anak yang sentiasa memberi beban masalah kepada kedua ibu bapa sama ada semasa di dunia mahupun setelah mereka meninggal dunia.

Kita harus akur bahawa umat kini berhadapan dengan pelbagai cabaran yang cukup mencemaskan. Pelbagai pihak telah diberi sandaran untuk dijadikan ikutan dan teladan.

Bersambung pada keluaran kelima..

MAHASISWA PERLU TAHU

• KEMUDAHAN KOMPLEKS PERDANASISWA •

Kompleks Perdanasiswa mempunyai tujuh buah blok bangunan yang menempatkan pejabat pentadbiran Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan bilik sekretariat persatuan pelajar.

Di kompleks ini juga terdapat beberapa kemudahan lain seperti kafetaria, Pos Malaysia, Pusat IT UM, Koperasi Kedaibuku dan kedai cermin mata. Terdapat juga kemudahan seperti auditorium, bilik mesyuarat, bilik gerakan, bilik seminar, ruang pameran dan surau yang mana ia boleh ditempah untuk digunakan bagi tujuan aktiviti-aktiviti dalam pelbagai peringkat. Untuk itu, tempahan boleh dilakukan di Unit Penyeliaan Kompleks Perdanasiswa, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya atau ditalian 03-79673511.

Kadar sewa tertentu telah ditetapkan berdasarkan kategori pengguna seperti berikut:

Kemudahan	Badan Luar	Fakulti/Pusat	Persatuan Pelajar
Auditorium (Kapasiti 800 orang)	RM500.00 sejam	RM20.00 sejam	RM10.00 sejam
Bilik Dhif Kehormat	RM100.00 sekali guna	Tiada	Tiada
Dewan Seminar I (Kapasiti 250 orang)	RM150.00 sejam	RM20.00 sejam	Tiada
Dewan Seminar II (Kapasiti 150 orang)	RM100.00 sejam	RM15.00 sejam	Tiada
Bilik Mesyuarat	RM100.00 sejam	RM15.00 sejam	Tiada
Ruang Pameran	RM100.00 sejam	RM25.00 sejam	Tiada

Oleh: Nor Hasim Khalil

BAHASA KITA BAHASA DUNIA

Kata Sendi nama "ke"

Kata sendi nama "ke" digunakan **di hadapan kata nama** atau **frasa nama** untuk menunjukkan **tempat** atau **arah** dan **waktu** atau **masa** dan ditulis terpisah daripada frasa nama atau kata nama yang mengikutnya. Contohnya:

a. Menunjukkan tempat atau arah

1. Pengembara itu meneruskan perjalanannya **ke** arah timur.

Wise Words

People working together as a group can accomplish things which no individual acting alone could ever hope to bring about.

Frabklin D. Roosevelt

Sumbangan:
Puan Rohani Ramly

2. Mereka pergi **ke** Kuala Kedah
3. Penyelam itu terjun **ke** dalam sungai
4. Mahasiswa itu pergi **ke** dewan kuliah beramai-ramai.
5. Dia melihat **ke** kiri dan **ke** kanan sebelum melintas jalan.

b. Menunjukkan waktu atau masa

1. Dia asyik termenung dari sehari **ke** sehari.
2. Tradisi itu masik kekal hingga **ke** zaman sekarang.
3. Perempuan itu berada di sisi suaminya hingga **ke** saat terakhir.
4. Anak kecil itu menunggu ayahnya di hadapan pintu hingga **ke** petang.
5. Pengurus syarikat itu sentiasa menilai prestasi pekerjaanya dari semasa **ke** semasa.

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
oleh: Abdul Razak Halifa

Mendapat pendidikan awal di Singapura dan melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya pada tahun 1973 – 1976 di Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Melanjutkan pengajian peringkat Sarjana di Pennsylvania State University, Amerika Syarikat pada tahun 1994-1996, dalam bidang Counselor Education di College Student Personnel Program.

Pernah berkhidmat di beberapa tempat di Universiti iaitu di Jabatan Matematik, Seksyen Peperiksaan dan Fakulti Perubatan. Mula berkhidmat di Seksyen Kaunseling sejak 1996. Sebelum ini pernah bekerja sebagai Pegawai Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Wilayah Persekutuan selama 5 tahun. Kini bertanggungjawab sebagai Ketua Seksyen Kaunseling dan Kerjaya.

Ulasan: Bidang Kaunseling banyak cabarannya. Antaranya sikap pelajar itu sendiri yang menganggap berjumpa Kaunselor adalah satu 'taboo' dan menyebabkan pelajar tidak mendapatkan perkhidmatannya sehingga pelajar 'sakit'. Profesion kaunseling memberi perkhidmatan yang sihat, *very engaging, developmental* dan profesional. Sesi kaunseling dijalankan dengan selamat dan sulit. Pelajar digalakkan supaya menggunakan perkhidmatan Kaunseling dan Kerjaya dengan sebaiknya. Seksyen ini sekarang mempunyai 3 orang Pegawai Rundingcara yang baru dilantik dan bersedia berjumpa dengan pelajar.



Puan Halimaton Attan

Pemimpin Persatuan Pelajar

Kelab Motor Universiti Malaya

Saudara Nizamodeen b. S.O.K Abdul Gaffoor merupakan anak jati kelahiran Selangor. Beliau kini berada di tahun ketiga, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat turut bertindak sebagai **Presiden Kelab Motor Universiti Malaya**. Beliau yang tinggal di Kolej Kediaman YPM juga merupakan Timbalan Pengerusi Sekretariat Rakan Muda, Universiti Malaya. Beliau yang aktif dalam kegiatan kampus merupakan alumni Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor.

Ulasan: Kelab Motor Universiti Malaya telah didaftarkan pada tahun 1978. Kelab ini memberi tumpuan kepada kegiatan permotoran berhemat dan menjana pemikiran positif dalam kegiatan permotoran. Antara objektif yang digariskan oleh kelab ini ialah untuk memupuk semangat sukarelawan di kalangan mahasiswa di samping menjana kecemerlangan akademik di kalangan ahli-ahli kelab. Kelab ini sering mendapatkan khidmat nasihat daripada HEP bagi menggerakkan aktiviti mereka.



Nizamodeen S.O.K
Abdul Gaffoor

14 - 15 Julai 2001

- ❖ Bengkel Latihan dan Pembangunan, Pengurusan Organisasi/Persatuan
- ❖ 4 orang mahasiswa UM dari Kelab Orator dan Puisi akan menyertai Bengkel Deklamasi Puisi anjuran Grup Teater Asyik Terengganu.

17 - 21 Julai 2001

- ❖ Wakil UM akan menyertai pertandingan Debat Alam Sekitar antara IPTA 2001 di Universiti Teknologi Mara (UiTM).

20 - 22 Julai 2001

- ❖ Wakil UM akan menyertai Pesta Pantun MAKUM Rakan Muda 2001 di Universiti Sains Malaysia (USM).

21- 28 Julai 2001

- ❖ Konvoi sukarelawan Operasi Khidmat Masyarakat Negeri Selangor (Sahabat II) anjuran Kelab Motor UM di Sekinchan, Sabak Bernam.

Makluman

Sebarang penulisan membina dan iklan-iklan yang ingin dimuatkan di dalam Bicara HEP boleh dikemukakan kepada:

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Blok E, Kompleks Perdanasiswa
Universiti Malaya.

Untuk perhatian:
Encik Mohd Fakhrurazi atau
Encik Abdul Razak Halifa

Tel: 79673563 Faks: 79568611

• • Redaksi • •

Penasihat

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob
Timbalan Naib Canselor (HEP)

Penggerak/Jawatankuasa

Puan Rohani Ramly
Encik Mohd Fakhrurazi Ibrahim
Encik Abdul Razak Halifa
Encik Azim Aziz
Encik Mohd Na'aim Muhd Noh